

Cubaan seludup rokok putih RM8.54j gagal

PTP jadi laluan pintu masuk susulan kerosakan alat pengimbas kontena

Iskandar Puteri: Kerosakan alat pengimbas kontena bernilai RM12 juta dipercayai menjadi penyebab Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Gelang Patah, dekat sini, dijadikan laluan pintu masuk penyeludup menyeludup barang larangan ke negara ini, akhir-akhir ini.

Kejayaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor mematahkan cubaan menyeludup rokok putih bernilai RM8.54 juta, termasuk cukai pada Selasa lalu adalah cubaan kedua selepas kejayaan mematahkan dua cubaan seludup rokok kretek dan putih bernilai RM12.4 juta, di lokasi sama pada 15 Disember lalu.

Pengarahnya, Datuk Mohammad Hamiddan Maryani, berkata kerosakan alat pengimbas kontena sejak lebih sebulan lalu dipercayai menyebabkan penyeludup cuba beralih angin menjadikan PTP sebagai pintu masuk selepas modus operandi mereka menggunakan laluan tikus dan laluan darat berjaya dihindu JKDM Johor lebih awal.

Beliau berkata, hasil risikan



Mohammad Hamiddan (tiga dari kiri) bersama pegawainya menunjukkan rokok putih yang dirampas pada sidang media di Cawangan JKDM PTP, Iskandar Puteri, semalam.

[Foto Mohd Sabran Md Sani/BH]

Pasukan Risikan Zon Selatan dan Cawangan PTP kira-kira jam 4.15 petang pada 24 Disember lalu mengenai satu kontena 12 meter yang membawa barang dagangan tidak seperti diikrar dengan mendakwa sebagai perabot.

"Pasukan Pengaukuasaan Gelang Patah kemudian membuat pemeriksaan rapi kontena berkenaan di Ruang Pemeriksaan Wisma Kastam PTP sebelum mendapati terdapat komoditi barang larangan iaitu rokok putih berjenama Zon King sebanyak 10.5 juta batang atau 52,500 karton yang disembunyikan di dalam 1,050 kotak dilabel perabot yang

disusun memenuhi kontena berkenaan.

"Semua barang larangan berkenaan ini dianggarkan bernilai RM1.47 juta dengan cukai yang berbayar sebanyak RM7.07 juta.

"Akibat kerosakan alat pengimbas kontena di PTP yang sudah digunakan sejak 16 tahun, menyebabkan semua pemeriksaan kontena dilakukan secara manual namun alat pengimbas baharu dijangka tiba pada Jun nanti," katanya pada sidang media di Cawangan JKDM PTP, di sini, semalam.

Mohammad Hamiddan berkata, hasil siasatan mendapati ro-

kok putih yang diseludup itu adalah untuk pasaran di Lembah Klang berdasarkan alamat ejen yang mengimport masuk komoditi itu dari China.

Katanya, setakat ini tiada tangkapan dilakukan dan kes dikategorikan sebagai kes rampasan.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 135(1)(g) Akta Kastam 1967 yang membawa hukuman denda tidak kurang dari 10 kali nilai barang atau RM100,000 yang mana lebih tinggi dan tidak melebihi 20 kali nilai barang atau RM500,000 yang mana lebih tinggi atau penjara maksimum lima tahun," kata-